

05/01/2001

Harres Tan dilantik Presiden Asocio

PENGERUSI Perhubungan Antarabangsa Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom), Harres Tan (gambar) dilantik sebagai Presiden Pertubuhan Industri Komputer Asia Oceania (Asocio), untuk mengetuai dan membuat perancangan pertubuhan berkenaan bagi dua tahun akan datang bermula 1 Januari, 2001.

Beliau menjadi rakyat Malaysia pertama memegang jawatan tertinggi dalam pertubuhan berkenaan, menyifatkan pelantikan itu adalah satu pengiktirafan kepada Malaysia, terutamanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana wawasannya mengemudi negara memasuki era digital.

Selain itu, katanya, pelantikan ke jawatan presiden dilihat sebagai pengiktirafan kepada Pikom kerana peranan yang dimainkan dalam menggalakkan ICT, bukan saja dalam negara malah di peringkat serantau dan antarabangsa melalui usaha kerjasama kerajaan Malaysia dan industri ICT.

"Kita hidup di zaman perubahan teknologi yang pesat, hanya melalui kerjasama serius antara ahli maka kita boleh maju dengan pantas," katanya pada sidang akhbar di Kelana Jaya, baru-baru ini.

Tan dipilih sebulat suara sebagai presiden kesembilan ASOCIO pada Perhimpunan Agung Ke-18 yang diadakan di Seoul tahun lalu menggantikan Neville Roach dari Australia.

Asocio ditubuhkan pada 4 Jun, 1984 untuk menggalak dan memupuk hubungan di kalangan ahlinya dan membangunkan industri pengkomputeran di rantau Asia dan Oceania.

Pikom menyertai Asocio pada 1988 dan sejak itu telah berjaya menjadi tuan rumah kepada dua Perhimpunan Agung pada 1991 dan 1998.

Antara projek Asocio menerusi kepimpinan PIKOM ialah kompilasi undang-undang siber negara di rantau Asocio.

Tan yang juga Pengarah Urusan HT Consulting Sdn Bhd, berkata Asocio akan terus menyuarakan pandangan bagi mewakili negara sedang membangun terutamanya dalam isu membabitkan caj antarabangsa bagi perkhidmatan Internet yang tidak adil, jenayah siber dan jurang digital.

(END)